

Riwayat Tedu Derhaka

Firdaus Dainure

Farid ialah seorang budak yang normal semasa kecil. Dia dibesarkan dengan penuh kasih sayang oleh keluarganya bagai menatang mniyak yang penuh. Dia diberikan sepenuh kasih sayang oelh kedua ibu bapanya. Farid merupakan anak emas di dalam keluarganya yang harmoni itu.

Ayah Farid berumur 41 tahun dan bekerja sebagai seorang pengurus bank kewangan yang terkenal di Malaysia, manakala emaknya pula seorang guru tadika yang gemarkan kanak-kanak. Kasih sayang dari dua insan inilah yang membetuk peribadi mulia Farid tidak kira di mana sahaja.

Walaupun begitu, keperibadian itu berubah tatkala Farid memasuki alam remaja. Dia bersekolah di sebuah sekolah berasrama di bandar. Disebabkan ini, hubungan Puan Halimatus Saadiah dan anaknya Farid kian renggang ditambah lagi dengan urusan kerja yang sibuk dengan tugas masing-masing. Atas sebab ini, ibu-bapa Farid jarang melawatnya di asrama. Hidupnya sekarang tidak seceria dahulu dan sentiasa muram sahaja.

Sebagai seorang pelajar dia mempunyai ramai kawan di asrama. Mereka ini sentiasa berkawan dengan Farid dan telah membina jalinan persahabatan sejak dari tingkatan 1 lagi. Rakan-rakannya yang rapat dengannya termasuklah Syahrin, Hanif dan Syafiq. Mereka ini

sentiasa berkongsi suka dan duka bersama. Namun, itu hanya ketika tingkatan 1. apabila mereka memasuki tingkatan 2, mereka berasa hebat kerana telah bergelar senior. Mereka kerap membuli pelajar junior. Pernah beberapa kali ibu bapanya dipanggil oleh pihak sekolah untuk membincangkan masalah anaknya. Sehubungan dengan itu, ibu bapanya risau akannya kerana mereka menjangkakan yang terbaik dari anaknya itu. Mereka berharap Farid dapat melanjutkan pelajaran ke menara gading.

Berikutan masalah-masalah disiplinnya, keluarganya telah menyekat atau mengurangkan kebebasan Farid. Apa yang dibuatnya mesti meminta izin ibu bapanya. Tujuan mereka supaya Farid akan berubah. Walaupun tujuan mereka baik, bukan itu yang bermain di kotak fikiran Farid. Dia merasakan keluarganya tidak menyayanginya lagi. Dia menjadi semakin tertekan dengan keadaan itu. Lantas, setelah berfikir masak-masak, dia merancang untuk melarikan diri ke rumah rakannya, Sito yang mengetahui masalahnya. Sito merupakan sahabat sepermainan Farid sejak kecil lagi. Segala suka dan duka dikongsi bersama. Sito juga mempunyai pengaruh yang besar di dalam dunia jenayah. Sebut sahaja Sito, orang akan membayangkan sorang yang panas baran dan ganas. Diakatakan, dia telah membunuh 10 orang pelajar kerana mengutuknya.

Sehubungan dengan itu, Farid bersiap sedia untuk lari dari rumah. Sito akan menunggu di dalam kereta bersama dengan konco-konconya. Rancangan itu berjaya. Di dalam kereta, Farid diberikan peranan yang

penting di dalam kumpulan samseng yang ganas itu atau lebih dikenali sebagai “Kumpulan Heroga”. Farid pula diberikan nama ‘Tedu’ berasaskan nama seekor dugong. Ini kerana, semua konco-konconya diberikan nama agar identiti mereka dirahsiakan.

Di markas Heroga pula, kelihatan beberapa orang kawannya sedang berkumpul. Apabila sampai, Sito memperkenalkan Tedu kepada semua orang. Setelah beberapa hari di markas itu, Sito telah banyak mengajar Tedu menghisap dadah, seks bebas, zina, membunuh orang dan merempit. Tedu turut mengajak rakan lamanya menyertai kumpulan itu iaitu Shahrin, Hanif, Syafiq, dan mereka juga diberikan gelaran masing-masing. Mereka ditugaskan membawa balik perempuan balik untuk dikerjakan. Di rumah pula keluarganya sedih mengenangkan anak mereka. Harapan tinggi kepada Farid tidak pernah luput.

Setelah beberapa bulan, Tedu telah dapat menyesuaikan diri dengan dunia jenayah. Pengaruhnya tersebar di mana-mana. Dikatakan dia pernah membunuh Borok dan Baceng kerana membuat hal dengan kumpulan Heroga. Dia juga pernah memenangi beberapa perlumbaan haram dan membawa pulang gadis-gadis untuk memuaskan nafsunya. Seks, arak, dan dadah sudah sehati dengannya.